

Malaysia guna nuklear 2020

BH-29/6/2007

B ANGI: Negara bersedia membina reaktor kuasa nuklear pertama bagi menjana sumber tenaga alternatif dalam tempoh 13 tahun lagi bagi mengurangkan pergantungan kepada sumber asli yang semakin berkurangan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Kong Cho Ha, berkata kerajaan sedang giat membangunkan kepakaran dan kemudahan itu, termasuk membina reaktor penyelidikan 25 megawatt dan mendapatkan kira-kira 3,000 tenaga kerja mahir.

"Kita berharap reaktor nuklear pertama untuk tujuan penjanaan tenaga ini dapat ditubuhkan sebelum 2020," katanya selepas melancarkan Sambutan 25 Tahun Reaktor Triga Puspati (RTP), Agensi Nuklear Malaysia, di sini, semalam.

Sementara itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaludin Jarjis semalam mengumumkan pelantikan Naib Presiden Bahagian Perkhidmatan Sokongan Sirim Bhd, Yahaya Ahmad sebagai Ketua Eksekutif Sirim yang baru menggantikan Datuk Dr Mohd Ariffin Aton.

Katanya, pelantikan berkenaan dipersetujui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.